



SIARAN MEDIA

JPPM TELITI ADUAN BERSATU BERDASARKAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

PUTRAJAYA, 11 Ogos – Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) mengesahkan telah menerima aduan rasmi daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pada 11 Ogos 2026.

Aduan tersebut antara lain menyentuh dakwaan bahawa BERSATU tidak dilibatkan dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi Perikatan Nasional (PN) pada 16 Julai 2026 serta isu berkaitan kedudukan keanggotaannya dalam gabungan berkenaan.

Penelitian terhadap aduan yang dibangkitkan ini sedang dilaksanakan berdasarkan Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 832*], Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984, perlembagaan pertubuhan yang diluluskan serta rekod rasmi Jabatan.

Bagi memastikan penelitian dibuat secara menyeluruh dan berlandaskan undang-undang, semua maklumat, dokumen serta penjelasan yang dikemukakan oleh pihak-pihak berkaitan akan diteliti.

JPPM ingin menegaskan, setiap pertubuhan berdaftar wajib mematuhi Akta Pertubuhan 1966, peraturan-peraturan berkaitan serta perlembagaan pertubuhan masing-masing. Penelitian terhadap perkara yang dibangkitkan akan dilaksanakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, JPPM akan terus bertindak secara profesional dan tanpa memihak kepada mana-mana pihak serta tidak mempunyai kepentingan terhadap mana-mana pertubuhan atau parti politik.

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
11 OGOS 2026**

-TAMAT-